Soalan Lazim Mengenai
Liberalisasi Dasar Pertukaran Asing (Liberalisation of Foreign Exchange Policies, FEP) bulan April 2021

SOALAN	JAWAPAN
(A) Pemansuhan peraturan penukaran eksport	
1. Bolehkah pengeksport pemastautin secara bebas menyimpan sebarang perolehan eksport dalam mata wang asing dalam Akaun Mata Wang Asing Perdagangannya (Trade Foreign Currency Account, TFCA)?	• Ya, pengeksport pemastautin secara bebas boleh menyimpan sebarang jumlah perolehan eksport dalam mata wang asing dalam TFCA-nya yang disenggara dengan bank tempatan berlesen bagi memenuhi obligasi mata wang asingnya.
2. Bolehkah pengeksport pemastautin menggunakan perolehan eksport untuk pelaburan luar negara?	• Pengeksport pemastautin perlu membawa balik perolehan eksport mata wang asing sepenuhnya dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh penghantaran ke dalam TFCA yang disenggara dengan bank tempatan berlesen. • Penggunaan perolehan eksport mata wang asing untuk pelaburan luar negara tertakluk kepada had pelaburan luar negara seperti yang dinyatakan dalam Notis 3 (Pelaburan dalam Aset Mata Wang Asing).
(B) Pengeksport pemastautin boleh menyelesaikan perdagangan domestik dalam mata wang asing[1] dengan entiti pemastautin lain yang beroperasi dalam rantaian bekalan global	
3. Apakah takrif rantaian bekalan global?	• Rantaian bekalan global ditakrifkan sebagai aktviti perniagaan di mana pengimport pemastautin membeli barangan atau perkhidmatan dari luar negara. bagi menyokong pengeluaran dan pengedaran barangan atau perkhidmatan oleh pengeksport pemastautin untuk aktiviti eksportnya. Aktiviti ini termasuk urus niaga perdagangan domestik antara pengimport pemastautin dan pengeksport pemastautin yang dilaksanakan melalui entiti pengantara pemastautin.

[1] Tidak termasuk aset digitial seperti mata wang kripto.

	Ilustrasi: 
4. Adakah pengeksport pemastautin perlu mendapatkan kelulusan Bank untuk layak mendapatkan fleksibiliti ini?	• Tidak. Entiti pemastautin yang beroperasi dalam rantaian bekalan global hanya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan, contohnya senarai vendor pemastautin kepada bank tempatan berlesen yang mengendalikan pembayaran mata wang asing berdasarkan proses usaha wajar bank tempatan berlesen tersebut.
5. Bolehkah pengeksport pemastautin menukar ringgit kepada mata wang asing untuk membayar entiti pemastautin lain?	• Tidak, pengeksport pemastautin hanya boleh memperolehi sumber pembayaran dalam mata wang asing tersebut daripada dana mata wang asing sedia ada dalam TFCA atau hasil daripada kemudahan pembiayaan perdagangan mata wang asing.
6. Jika entiti pemastautin tidak mempunyai sebarang obligasi mata wang asing dan menjual barangan yang disumberkan dari Malaysia kepada pengeksport pemastautin, bolehkah entiti pemastautin menerima mata wang asing daripada pengekport pemastautin?	• Tidak, pengaturan perniagaan sedemikian tidak dianggap sebagai aktiviti rantaian bekalan global. Oleh itu, pengeksport pemastautin perlu membuat pembayaran dalam ringgit sahaja kepada entiti pemastautin tersebut.
(C) Pengeksport pemastautin boleh melanjutkan tempoh penerimaan perolehan eksport melebihi enam bulan dan sehingga 24 bulan untuk sebab-sebab tertentu sahaja	
7. Apakah sebab-sebab tertentu yang dibenarkan bagi menggunakan fleksibiliti ini?	• Sebab-sebab tertentu merujuk situasi seperti berikut: (a) Pengeksport pemastautin tidak mempunyai kawalan terhadap kelewatan dalam menerima hasil eksport barangan termasuk: i. Pembeli menghadapi kesukaran kewangan;

	ii. Pembatalan tempahan oleh pembeli; iii. Sekatan urus niaga pertukaran asing di negara pembeli; iv. Tuntutan kualiti dan/atau kuantiti; atau v. Insiden penipuan. (b) Tempoh kredit diberikan oleh pengeksport pemastautin sehingga 24 bulan untuk: i. Penjualan secara konsainan; atau ii. Barangan yang melibatkan ujian dan pentauliahan.
8. Adakah ini bermakna keperluan penghantaran balik perolehan eksport dalam tempoh enam bulan sudah tidak berkuat kuasa?	• Tidak, perolehan eksport masih perlu terus dibawa balik ke Malaysia dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh penghantaran. • Walau bagaimanapun, penghantaran balik perolehan eksport boleh dilanjutkan sehingga tempoh 24 bulan daripada tarikh penghantaran atas sebab-sebab tertentu yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di atas.
9. Adakah ini bermakna pengekport pemastautin boleh melanjutkan terma kredit melebihi enam bulan?	• Tidak. Hanya terma kredit untuk penjualan secara konsainan atau barangan yang melibatkan ujian dan pentauliahan boleh dilanjutkan sehingga tempoh 24 bulan daripada tarikh penghantaran seperti yang dinyatakan dalam Soalan 7 di atas.
(D) Pengeksport pemastautin boleh mengofset atau menghapus kira perolehan eksport tertakluk kepada sebab-sebab yang dibenarkan sahaja	
10. Apakah sebab-sebab yang membolehkan pengaturan ofset atau hapus kira perolehan eksport dilaksanakan?	• Sebelum penghantaran balik perolehan eksport ke Malaysia, perolehan eksport boleh diofset dengan obligasi mata wang asing dengan bukan pemastautin untuk sebab-sebab berikut: (a) Bayaran import barangan atau perkhidmatan; (b) Tuntutan jaminan; (c) Bayaran dividen; (d) Urus niaga akaun semasa yang lain; atau (e) Bayaran balik pinjaman mata wang asing. Ini termasuk pengaturan ofset global yang dilaksanakan oleh pengeksport pemastautin melalui pusat pengurusan perbendaharaan (*treasury management centre*, TMC) bukan

	pemastautinnya bagi obligasi mata wang asing di atas. • Selain itu, perolehan eksport juga boleh dihapus kira atas sebab-sebab berikut: (a) Pembeli bukan pemastautin dalam proses pembubaran; atau (b) Tidak dapat menerima perolehan eksport daripada pembeli sekurang-kurangnya 24 bulan daripada tarikh penghantaran meskipun telah membuat tindakan susulan dengan pembeli bukan pemastautin. • Selain sebab-sebab yang dibenarkan seperti di atas, pengeksport pemastautin masih perlu mendapatkan kelulusan Bank terlebih dahulu.
11. Adakah pengeksport pemastautin perlu mengemukakan dokumen sokongan kepada bank tempatan berlesen untuk layak mendapatkan fleksibiliti ini?	• Ya, tertakluk pada proses usaha wajar yang dilaksanakan oleh bank tempatan berlesen tersebut.
12. Bolehkah pengeksport pemastautin offset perolehan eksport dengan pelaburan luar negaranya?	• Tidak.
(E) Entiti pemastautin bebas melaksanakan lindung nilai derivatif mata wang asing (selain derivatif pertukaran asing) melalui bukan pemastautin	
13. Bolehkah entiti pemastautin melaksanakan lindung nilai komoditi dalam denominasi mata wang asing, contohnya, kontrak hadapan gula melalui rakan niaga bukan pemastautin untuk melindung nilai risiko harga komoditinya?	• Ya. Dengan fleksibiliti ini, entiti pemastautin boleh melaksanakan lindung nilai derivatif komoditi sama ada melalui broker niaga hadapan pemastautin atau terus dengan rakan niaga bukan pemastautin sehingga ke jumlah pendedahan asas *(underlying exposure).*
14. Bolehkah entiti pemastautin berurus niaga lindung nilai mata wang asing (selain derivatif pertukaran asing) dengan rakan niaga bukan pemastautin bagi tujuan pelaburan (iaitu bukan untuk lindung nilai harga)?	• Urus niaga ini dibenarkan sehingga had pelaburan luar negara seperti yang dinyatakan dalam Notis 3 (Pelaburan dalam Aset Mata Wang Asing).
15. Bolehkah entiti pemastautin memasuki kontrak pertukaran asing dengan rakan niaga bukan pemastautin?	• Tidak, entiti pemastautin hanya boleh melaksanakan urus niaga pertukaran asing dengan bank tempatan berlesen atau pengurup mata wang berlesen di Malaysia.